

Surat Kiriman Tidak Rasmi

Nama: _____

Arahan: Susun semula Surat Kiriman Tidak Rasmi ini dengan tepat.

PILIHAN JAWAPAN:

Saya berharap Zetty akan bersetuju dengan rancangan saya ini. Saya akan menunggu jawapan daripada Zetty. Sampai di sini yang sempat saya tuliskan. Sambutlah salam manis daripada saya untuk Zetty sekeluarga. Terima kasih.

Peraduan tersebut dijangka meriah kerana banyak kanak-kanak di sekitar Kuala Lumpur akan mengambil bahagian. Temanya ialah 'Pemandangan di Zoo Negara'. Hadiah-hadiah yang menarik disediakan.

Pertandingan lukisan pada hari itu dibahagikan kepada dua kategori. Kategori A dibuka kepada semua kanak-kanak yang berumur antara 5 hingga 9 tahun. Manakala kategori B pula dibuka kepada pelajar-pelajar yang berumur antara 10 hingga 12 tahun.

Kalau awak mahu mencuba bakat, bolehlah awak ikut saya mengambil bahagian dalam peraduan itu. Saya tahu awak memang pandai melukis. Manalah tahu kalau-kalau awak bernasib baik dan menang pula.

Menemui sahabatku Zetty yang diingati semoga dalam keadaan sihat sejahtera.

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk mengajak Zetty ke Zoo Negara pada hari Ahad, 25 Jun 2021 ini. Suatu peraduan melukis bagi kanak-kanak akan diadakan pada hari itu. Peraduan itu diadakan bersempena dengan Minggu Alam Sekitar.

Saudari,

Yang Benar,
Virginia

Virginia Lee
83, Jalan 4/7,
Taman Tasik,
68000 Ampang.
22 Jun 2021